

No rujukan Kami : KPM.500-4/13/3(61)

Tarikh : 22 Oktober 2019

23 Safar 1441H

**Seperti senarai edaran**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENETAPAN PEMBAYARAN GAJI BAGI HARI REHAT MINGGUAN DAN HARI KELEPASAN MINGGUAN UNTUK KES TIDAK HADIR BERTUGAS**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan mengenai perkara di atas dan surat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia nombor rujukan JPA.BK(S)343/20(13) bertarikh 24 September 2019 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan, Jabatan Perkhidmatan Awam telah memberikan penjelasan kaedah pelaksanaan penetapan pembayaran gaji bagi hari rehat mingguan dan hari kelepasan mingguan bagi **kes tidak hadir bertugas** untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan kekeliruan pembayaran gaji/emolumen kepada pegawai.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dipanjangkan surat edaran tersebut yang jelas maksudnya untuk perhatian dan tindakan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan jua.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' AHMAD NADZRI BIN EMBONG)

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (P)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

TSUBK(SM)DK

TSUBK(SM)PP

TSUBK(SM)PO

TSUB(SM)K

KPSU(SM)T/W

Fail Timbul

## SENARAI EDARAN

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Selangor  
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4  
40604 Shah Alam  
**SELANGOR**

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
Persiaran Tunku Syed Sirajuddin  
**50604 KUALA LUMPUR**

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Aras 7, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 PUTRAJAYA**

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Kelantan  
Bandar Baru Tunjong  
16010 Kota Bharu  
**KELANTAN**


Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Perlis  
Jalan Tun Abd. Razak  
01990 Kangar  
**PERLIS**

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Melaka  
Jalan Bukit Beruang  
Peti Surat No. 62  
**75902 MELAKA**

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Pulau Pinang  
Bangunan Syed Putra  
**10900 PULAU PINANG**

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Terengganu  
Jalan Bukit Kecil  
20604 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU**

Pengarah Pendidikan



Jabatan Pendidikan Pahang  
Bandar Indera Mahkota  
25604 Kuantan  
**PAHANG**

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan  
Jalan Dato' Hamzah  
70990 Seremban  
**NEGERI SEMBILAN**

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Kedah  
Kompleks Pendidikan  
Jalan Stadium  
05100 Alor Setar  
**KEDAH**

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Perak  
Jalan Tun Abdul Razak  
30640 Ipoh  
**PERAK**

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Johor  
Wisma Pendidikan  
Jalan Tun Abdul Razak  
80604 Johor Bahru  
**JOHOR**

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Sarawak  
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako  
PetraJaya  
93604 Kuching  
**SARAWAK**

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Sabah  
Tingkat 4,5&7 Rumah Persekutuan  
88300 Kota Kinabalu  
**SABAH**

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan  
Aras 10, Blok 4, Kompleks Ujana Kewangan  
Peti Surat 81097  
87020 Wilayah Persekutuan  
**LABUAN**

## SENARAI EDARAN

Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 1 Enterprise Building 3  
Blok 2200 Jalan Persiaran APEC  
Cyber 6  
63000 Cyberjaya  
**SELANGOR**

Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 3&4, Blok E2  
Kompleks Kerajaan Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 PUTRAJAYA**

Pengarah  
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 5 & 6, Blok E14,  
Kompleks Kerajaan Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 PUTRAJAYA**

Pengarah  
Bahagian Matrikulasi  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 6&7, Blok E15, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 PUTRAJAYA**

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8, Blok E9, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 PUTRAJAYA**

Pengarah  
Bahagian Pendidikan Islam  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras Bawah dan Aras 2  
No.2251, Jalan Usahawan 1  
63000 Cyberjaya  
**SELANGOR**



TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)  
DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE (DEVELOPMENT)



Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia  
Public Service Department, Malaysia  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. Putrajaya  
Malaysia

Tel: 603-88853002  
Faks (Fax): 603-88892639  
E-mel (Email): www.jpa.gov.my

cpm . 100 - 1/4/1

JPA.BK(S)343/20 ( 13 )

24 September 2019



*Sub ksm*  
*maka*  
*sekol.*  
*30.9.*



Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri



YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENETAPAN PEMBAYARAN GAJI BAGI HARI REHAT MINGGUAN DAN HARI KELEPASAN MINGGUAN UNTUK KES TIDAK HADIR BERTUGAS**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan ini sedia maklum bahawa terdapat pelaksanaan yang berbeza di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi berhubung kaedah pembayaran gaji bagi **Hari Rehat Mingguan** dan **Hari Kelepasan Mingguan** untuk kes tidak hadir bertugas susulan terdapat pelbagai pandangan yang berbeza-beza berhubung dengan isu tersebut.

3. Akta Hari Kelepasan 1951 menetapkan bahawa **Hari Kelepasan Mingguan** ditakrifkan sebagai **hari Ahad, atau, di Negeri-Negeri di mana hari Jumaat diterima sebagai Hari Kelepasan Mingguan, hari Jumaat.** Manakala Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2019 berkenaan Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) di Agensi Persekutuan menetapkan seperti berikut:



- a) bagi pejabat di Negeri Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya); Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan serta Sarawak ditetapkan **hari Sabtu sebagai Hari Rehat Mingguan** dan **hari Ahad merupakan Hari Kelepasan Mingguan**; dan
- b) bagi pejabat di Negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor ditetapkan **hari Jumaat merupakan Hari Kelepasan Mingguan** dan **hari Sabtu merupakan Hari Rehat Mingguan**.

4. Bagi memastikan keseragaman pelaksanaan pembayaran gaji bagi hari rehat mingguan dan hari kelepasan mingguan bagi kes tidak hadir bertugas di semua Kementerian/ Jabatan/ Agensi, maka ketetapan pelaksanaan adalah seperti berikut:

- a) sekiranya pegawai tidak hadir bertugas **sebulan kalendar**, pemotongan gaji adalah bagi **sebulan kalendar termasuk pada hari cuti umum, hari rehat mingguan dan hari kelepasan mingguan**;
- b) sekiranya pegawai hanya hadir bertugas **satu (1) hari sahaja dalam sebulan kalendar**, pegawai hanya layak dibayar emolumen **satu (1) hari itu sahaja**; dan
- c) sekiranya pegawai hadir bertugas **2 hari atau lebih dalam sebulan kalendar**, maka pegawai layak dibayar emolumen pada hari-hari pegawai hadir bertugas termasuk cuti umum, hari rehat mingguan dan hari kelepasan mingguan.


5. Sehubungan dengan itu, selaras dengan ketetapan di perenggan empat (4) di atas, kerjasama pihak YBhg.Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memanjangkan surat edaran ini kepada Jabatan/ Agensi di bawah penyeliaan YBhg.Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan jua.

6. Kerjasama dan perhatian YBhg.Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK DR. ROSSLINA AHMAD MOKHTAR)**

**s.k.:**

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan